

SOALAN LAZIM (FAQ)

PELAKSANAAN GERAN *ONE-OFF* KEPADA PENGUSAHA TADIKA SWASTA DI BAWAH PELAN JANA SEMULA EKONOMI (PENJANA)

1. Siapakah yang layak memohon?

Pengusaha tadika swasta yang berdaftar dengan KPM dan pengusaha tadika swasta yang tidak berdaftar dengan KPM sekiranya berdaftar sebelum **31 Oktober 2020** mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam garis panduan.

2. Adakah Pusat Perkembangan Minda (PPM) layak memohon geran *one-off*?

Tidak kerana PPM tidak berdaftar dalam kategori tadika swasta.

3. Adakah program prasekolah dalam sekolah antarabangsa layak memohon?

Tidak.

4. Bolehkah pengusaha tadika swasta yang mempunyai lebih daripada sebuah tadika berdaftar layak mendapat geran *one-off* ini?

Boleh, pengusaha tersebut adalah layak dengan mematuhi syarat yang telah ditetapkan.